

HUBUNGI SKUAD TAMPIN REMBAU NOR AINNA HAMZAH • 019-8203738

Masjid baharu RM3.4 juta

Bakal dimanfaatkan lebih 500 penduduk kampung

NOR AINNA HAMZAH

REMAU

Penduduk di Kampung Kundur Hilir di sini, berbesar hati dan bertuah apabila menerima kemudahan masjid baharu bernilai RM 3.4 juta.

Majlis penyerahan bangunan baharu berkenaan disempurnakan Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains), Kamal Amran Kamaruddin kepada Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hassan,

semalam.

Menurut Pengerusi Masjid Kariah Kundur Hilir, Mihat Tahir, masjid serba baharu dan lengkap dengan pelbagai kemudahan itu bakal dimanfaatkan lebih 500 penduduk kampung.

“Kemudahan ini adalah bagi menggantikan masjid lama berusia lebih 50 tahun. Kita sebagai penduduk, sememangnya sangat gembira apabila mendapat kemudahan ini dan akan memanfaatkan kemudahan ini dengan baik.

“Sebagai langkah awal, kita akan berbincang dengan Pejabat Daerah Rembau untuk mengadakan program keagamaan peringkat daerah di sini,” katanya sempena Majlis Penyerahan dan Pengisytiharan Masjid Kariah Kundur Hilir di sini, semalam.

Pada majlis berkenaan,



Kamal Amran menyerahkan replika kunci kepada Mohamad (tiga, kanan) sebagai simbolik Majlis Penyerahan dan Pengisytiharan Masjid Kariah Kundur Hilir, semalam.

Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Mohd Yusof Ahmad telah mengisytiharkan solat Jumaat buat julung-julung kalinya di masjid baharu berkenaan.

Solat Jumaat kali pertama ini disertai oleh 500 jemaah

termasuk Mohd Yusof dan Mohamad.

Sementara itu, Mohamad dalam ucapannya menasihati agar masyarakat menjadikan masjid sebagai tempat untuk bersatu padu.

“Kita boleh berbeza pandangan dan pendapat tetapi umat Islam janganlah berpecah-belah.

“Kita di Malaysia ini syukur aman. Masjid semua ada. Negara tak kacau bilau juga satu nikmat. Bayangkan

kita duduk di Rohingya atau di Palestin. Jadi kita kena bersyukur.

Beliau berkata, masjid juga bukan hanya lokasi untuk menunaikan solat.

“Kembali kepada roh penubuhan masjid. Institusi yang pertama di bina oleh Rasul selepas berhijrah dari Makkah ke Madinah.

“Di situlah Baginda dan para sahabat membina negara Islam, ekonorni dan ukhuwah. Bukan untuk bermegah-megah semangot masjid tidak di bawa bersama lebih sedih jadi tempat perpecahan masyarakat.

Sempena majlis berkenaan, seramai 32 warga emas dan asnaf menerima bantuan.

Turut hadir, Adun Chembong, Datuk Zaifulbahri Idris dan Pegawai Daerah Rembau, Amino Agos Suyub.